


## KATA TUGAS

### RAJAH POHON KATA TUGAS



## KATA PENGUAT

**KATA PENGUAT** ialah perkataan yang terletak di hadapan atau di belakang kata adjektif atau frasa adjektif.

### JENIS KATA PENGUAT

Hadapan	Belakang	Bebas
- agak	- benar	- amat
- cukup	- betul	- sangat
- makin	- nian	- sungguh
- paling		
- terlalu		
- ter + adjektif		

Contoh: **sangat** cantik molek (X), letih lesu **sekali** (X)

### NOTA:

1. Dua unsur penguat boleh hadir berderetan sebelum kata adjektif (kata penguat + kata penguat + kata adjektif)

Contoh: **sungguh amat** cantik, **terlalu amat** pedih, **makin agak** berkurangan, **agak kurang** memuaskan, **sangat kurang** sibuk, **teramat** penat, **tersangat** pandai

2. Kata penguat boleh hadir sebelum atau selepas kata bantu, diikuti oleh kata atau frasa adjektif

(kata bantu + kata penguat + kata adjektif, kata penguat +kata bantu + kata adjektif)

Contoh: belum **terlalu** sihat, masih **agak** kotor, harus **amat** yakin, **sungguh** telah pandai, **terlalu** mahu kurus, **agak** belum besar

3. Dua kata penguat boleh hadir berderetan sebelum dan selepas kata adjektif (kata penguat hadapan + kata adjektif + kata penguat belakang)

Contoh: **amat/sangat/sungguh** gembira **sekali**, **amat/sangat/sungguh** terkenal **sekali**, **terlalu** baik **amat/sangat/sungguh/nian/betul/benar**,

### PERINGATAN:

1. Kata penguat darjah penghabisan iaitu **ter-**, **paling**, **sekali**, **tidak** boleh hadir berderetan dalam frasa adjektif yang sama.

Contoh: **paling** utama **sekali** (X), **terutama sekali** (X), **paling terutama** (X), **paling terutama sekali** (X)

2. Kata penguat tidak boleh hadir dalam frasa adjektif yang mempunyai dua kata adjektif yang berderetan.

Contoh: **sangat** cantik molek (X), letih lesu **sekali** (X)

## PERINGATAN

- 1.Kata penguat darjah penghabisan iaitu ter-, paling, sekali, tidak boleh hadir berderetan dalam frasa adjektif yang sama.

Contoh: **paling** utama **sekali** (X), **terutama sekali** (X), **paling terutama** (X), **paling terutama sekali** (X)


- 2.Kata penguat juga tidak perlu hadir dalam frasa adjektif yang mempunyai dua kata adjektif yang berderetan.

Contoh: **sangat** cantik molek (X), letih lesu **sekali** (X)

## KATA PEMERI

Kata pemerri ialah kata tugas yang menjadi perangkai antara subjek dengan predikat.

Walau bagaimanapun, penggunaannya terbatas dan sebenarnya kurang digalakkkan.



### PERINGATAN:

1. Kata pemerri tidak boleh hadir di awal ayat. Contoh: Adalah dimaklumkan bahawa saya akan bercuti pada minggu hadapan.

2. Kata pemerri tidak boleh hadir sebelum frasa kerja. Contoh: Jualan murah itu dibuat adalah berdasarkan permintaan ramai.

3. Kata pemerri “ialah” tidak boleh hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama.

4. Kata pemerri “adalah” tidak boleh hadir di hadapan frasa nama.

## KATA NAFI

**Kata nafi** ialah kata tugas yang menafikan frasa-frasa predikat.

- |       |  |
|-------|--|
| BUKAN | <ul style="list-style-type: none"><li>•untuk menafikan frasa nama dan frasa sendi nama</li><li>•untuk menunjukkan pertentangan maklumat bagi frasa kerja atau frasa adjektif</li><li>•boleh digabungkan dengan kata penguat dalam frasa adjektif</li></ul> |
| TIDAK | <ul style="list-style-type: none"><li>•untuk menafikan frasa kerja dan frasa adjektif</li></ul>  |

## PERINGATAN:

Untuk menunjukkan perbandingan atau pertentangan idea dalam sesuatu frasa kerja atau frasa adjektif, kata nafi “tidak” perlu dituakarkan kepada “bukan”.

Contoh:

1. Mereka bukan bekerja tetapi melancong di luar negara.
  2. Wanita itu cantik sangat tetapi sangat berbudi bahasa.
-